



سيارن اخبار
PRESS RELEASE

KEMENTERIAN KESIHATAN • Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB3910, Negara Brunei Darussalam.
Tel: 2381640 samb./ext. 7734 • Faks/Fax: 2383016 • E-mel/E-mail: prohealth@brunet.bn

SIARAN AKHBAR 

KENYATAAN MEDIA
SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
1 April 2020

1. Pada hari ini, Rabu, 07 Syaaban 1441 bersamaan 01 April 2020, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan mengenai **2 lagi kes baru** yang telah disahkan dijangkiti COVID-19 di negara ini. Ini bermakna **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini ialah 131 orang.**

- Kes 130 berumur 39 tahun adalah salah seorang warga tempatan yang telah menyertai *Kalimantan Bike Week* bersama 32 orang rakannya yang telah menjalani pengasingan diri sejak pulang ke negara ini pada 16 Mac 2020. Beliau telah menghidap batuk yang berpanjangan dan telah menjalani ujian makmal bagi COVID-19 pada 30 Mac 2020.
- Kes 131 berumur 28 tahun telah menjalani pengasingan diri sejak pulang ke negara ini dari Amerika Syarikat melalui Singapura dengan menaiki pesawat Royal Brunei BI424 (tempat duduk 28A) pada 16 Mac 2020. Beliau mula mengalami sesak nafas ringan pada 21 Mac 2020. Beliau hanya menjalani ujian makmal bagi COVID-19 pada 30 Mac 2020 setelah sesak nafas beliau semakin teruk.

2. Kementerian Kesihatan juga ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa Alhamdulillah, dengan izin Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua, pada hari ini **7 lagi kes** yang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan telah disahkan sembuh dan dibenarkan untuk pulang ke rumah, membawa **jumlah keseluruhan yang telah sembuh kepada 52 orang**. Ini bermakna terdapat 78 kes yang sedang dirawat di Pusat berkenaan. Daripada jumlah tersebut, 3 orang masih dalam keadaan kritikal dan memerlukan bantuan mesin pernafasan di Unit Rawatan Intensif di Pusat tersebut di mana salah seorang daripadanya sekarang masih memerlukan bantuan mesin tambahan *heart/lung machine (ECMO)*. Sementara itu, selebihnya adalah dalam keadaan yang baik.

3. Untuk makluman orang ramai, Alhamdulillah dengan izin Allah, kanak-kanak yang berumur 2 tahun (Kes 34), 9 bulan (Kes 40) dan 3 tahun (Kes 62) telah sembuh dan pulang kerumah masing-masing. Manakala, kanak-kanak lain masih berada di Pusat Pengasingan dan berada dalam keadaan baik.

4. Kementerian Kesihatan juga ingin mengongsikan pada masa ini, seramai 692 orang sedang menjalani kurantin, menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204. Manakala seramai 1,588 orang telah menamatkan tempoh kurantin dan dalam keadaan yang baik. Sejak awal Januari 2020, sebanyak 6,799 ujian makmal bagi COVID-19 telah dijalankan.

5. Kementerian Kesihatan juga ingin memaklumkan kepada orang ramai, bahawa Alhamdulillah pada hari ini, pengambilan sampel untuk ujian makmal bagi COVID-19 bagi kesemua mereka yang telah pulang ke tanah air selepas membuat perjalanan antarabangsa dan sedang menjalani pengasingan diri di fasiliti-fasiliti yang disediakan oleh Kerajaan, telah selesai dijalankan.

6. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** (pada bila-bila masa) atau melalui aplikasi **healthinfo.gov.bn**.

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 07 Syaaban 1441H / 01 April 2020